

**PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI
PERMOHONAN PENGAMAL PERUBATAN
TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
WARGA ASING DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PEMULIHAN**



**BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

2020

1. TUJUAN

Dokumen ini menetapkan prosedur operasi standard bagi permohonan baru dan permohonan lanjutan pengamal perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) warga asing untuk mendapatkan surat maklum balas tiada halangan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perkara ini bertujuan untuk memastikan penularan wabak Covid-19 dapat dibendung dengan mengamalkan penjarakan sosial (social distancing), pergerakan yang dihadkan dan mengurangkan interaksi dengan individu yang terlibat. Semua permohonan juga adalah tertakluk kepada keperluan *Guidelines for the Entry Of Expatriate / Skilled Worker / Knowledge Worker for Key Posts and Technical Posts, and for Dependents / Foreign Maids* yang dikeluarkan oleh Bahagian Khidmat Ekspatriat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

2. SKOP

Dokumen ini terpakai kepada pihak syarikat yang membuat permohonan Surat Maklum Balas Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing dan kakitangan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari.

3. AKTA YANG BERKAITAN

3.1 Akta Pencegahan dan Pengamal Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]

3.2 Akta PT&K 2016 [Akta 775]

3.3 Garis Panduan Permohonanan Pengamal PT&K Warga Asing

4. TATACARA PERMOHONAN

4.1 TATACARA PENYERAHAN PERMOHONAN

- a) Syarikat perlu memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing.
- b) Permohonan harus dihantar **melalui pos** kepada Pejabat BPTK (alamat seperti di muka surat 3) dengan dokumen-dokumen lengkap seperti yang dinyatakan dalam Senarai Semak Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing.
- c) Dalam situasi di mana wakil syarikat/ pemohon perlu hadir ke pejabat BPTK untuk menghantar permohonan melalui serahan tangan, dimohon pihak

yang akan hadir untuk membuat temu janji terlebih dahulu. **Sebarang pertemuan secara *ad-hoc* tidak akan dilayan.**

- d) Mana-mana individu yang menghadirkan diri ke pejabat BPTK perlu mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:
- i. Memakai penutup mulut dan hidung sepanjang masa
 - ii. mempraktikkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter
 - iii. Menggunakan bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) sekiranya perlu
 - iv. Jangan membawa individu yang berada dalam kategori berisiko tinggi (contohnya warga tua, kanak-kanak) ke premis
 - v. Jangan hadir ke premis sekiranya anda tidak sihat atau mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan
 - vi. Jika anda didapati demam semasa hadir ke pejabat, temu janji anda akan dibatalkan.
 - vii. Sekiranya anda mempunyai kontak rapat dengan individu yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti Covid-19, anda diseru untuk kuarantin diri dan **JANGAN** menghadirkan diri ke premis
- e) Sekiranya wakil syarikat / pemohon ingin mendapatkan penjelasan lanjut atau mempunyai pertanyaan susulan, adalah dipohon untuk mengajukan sebarang pertanyaan melalui telefon (waktu pejabat sehingga jam 5.00 petang) atau e-mel (no. telefon dan e-mel adalah seperti di muka surat 3).
- f) Semua permohonan akan diproses seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing.

4.2 TATACARA PENYERAHAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

Semua keputusan permohonan akan dihantar melalui pos atau emel dan pihak syarikat tidak dibenarkan untuk mengambil keputusan permohonan dari Pejabat BPTK.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Pendaftaran dan Perakuan

Cawangan Majlis PT&K

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras Bawah, Blok D, Jalan Cenderasari

50590 Kuala Lumpur

Tel : +603-2279 8100 (Ext: 488/487)

Faks : +603-2691 1259

E-mel : tcm@moh.gov.my

Laman web : <http://tcm.moh.gov.my>